

Bab 1

"Selamat pagi Dato', nama saya Natasha dari Sawyer & Ferguson, firma guaman yang menguruskan kes Duo Arms. Saya pengganti kepada Akhbar yang telah meletakkan jawatan." Natasha bangun sambil memperkenalkan diri. Dia telah menunggu lelaki itu hampir lima belas minit di ruang menunggu pejabat Pergerakan Hak Asasi Manusia ASEAN atau dalam bahasa Inggeris, *Human Rights Movement ASEAN (HURIMA)*.

"Selamat pagi Natasha, saya Dato' Murad, Pengerusi HURIMA," Dato' Murad menghulurkan tangan kepada Natasha. Natasha menyambut dengan gengaman yang kemas sambil tersenyum. Dato' Murad membalas senyuman Natasha sambil memberikan isyarat tangan untuk mempersilakan Natasha duduk.

"Saya terkejut Akhbar menarik diri dari kes ini pada saat-saat genting seperti sekarang," ujar Dato' Murad sambil mempamerkan pandangan yang agak kecewa. Natasha dapat melihat dengan jelas kerutan di dahinya yang sudah berumur hampir separuh abad. Mereka berdua duduk di sofa kulit berwarna coklat.

"Kami juga terkejut Dato', Sawyer & Ferguson telah dilantik oleh kerajaan Perancis untuk membina kes ini dan mengumpul semua bukti.. Sebagai firma guaman antarabangsa, kami mempunyai barisan peguam yang terbaik di dunia. Dengan kerjasama Dato', saya pasti kami boleh mengumpul semua maklumat yang diperlukan." Natasha cuba menyakinkan Dato' Murad sambil membetulkan sedikit duduknya.

"Kenapa Akhbar meletakkan jawatan?" Dato' Murad bertanya soalan yang sudah dijangka oleh Natasha. Walaupun kata-katanya tidak kasar, nada percakapan Dato' Murad dirasakan penuh kekecewaan.

"Dia mahu berpindah ke luar negara." Natasha menjawab dengan pendek tapi penuh keyakinan.

"Ada yang tak kena. Kali terakhir saya berjumpa dengannya, saya tahu dia betul-betul berminat untuk menyelesaikan kes ini. Kes ini melibatkan banyak ahli politik ternama yang akan buat apa saja untuk menghalang daripada kes ini dibicarakan. Banyak perkara yang boleh berlaku!" ucap Dato' Murad sambil mengerutkan dahinya lagi. Natasha membiarkan perasaan Dato' Murad reda sedikit.

"Saya faham Dato'!" Natasha membalas, satu ungkapan yang biasa digunakan olehnya untuk menenangkan perasaan pelanggannya.

"Saya minta maaf awak terpaksa terbang dari Singapura berjumpa saya di sini hari ini. Saya sendiri sudah mula risau dengan keselamatan keluarga saya semenjak saya terang-terangan memberitahu pihak media saya akan memberikan sepenuh kerjasama kepada Sawyer & Ferguson. Saya dan keluarga akan berpindah ke Australia hujung minggu ini buat sementara waktu," Dato' Murad memberitahu Natasha sambil mengambil sebatang pen di poket kirinya lantas menulis sesuatu pada sehelai kertas.

"Ini adalah nama orang hubungan saya di Australia. Dia bekerja di kedutaan Malaysia di Australia. Sebut sahaja nama awak dan Sawyer & Ferguson, dia akan hubungkan awak dengan saya." Dato' Murad menghulurkan secebis kertas kepada Natasha. Tertulis di atas kertas tersebut "Ahmad Rageb".

"Sebelum saya terlupa, seorang ahli HURIMA akan berjumpa dengan awak, Natasha. Namanya Salahuddin. Dia akan berikan awak beberapa maklumat penting untuk membina kes ini." Dato' Murad menyambung sambil memandang tepat ke muka Natasha.

"Bila saya boleh berjumpa dengan Salahuddin, Dato'?" Natasha bertanya.

"Dia akan hubungi awak mungkin di sini, Kuala Lumpur atau mungkin di Singapura selepas awak pulang ke pejabat nanti. Awak teruskan pulang ke Singapura seperti yang telah dirancang, jangan ubah penerbangan awak. Dia akan jumpa awak pada masa yang dirasakan paling sesuai. Dia telah banyak berbincang

dengan Akhbar dahulu. Dialah yang benar-benar mahu kes ini dibongkar," balas Dato' Murad.

"Terima kasih Dato', saya akan tunggu nanti." Natasha bersetuju dengan rancangan Dato' Murad. Perbincangan yang mengambil masa hampir setengah jam itu akhirnya terpaksa ditangguhkan kerana Dato' Murad terpaksa menghadiri satu majlis yang akan diadakan selepas waktu makan tengahari.

Natasha adalah peguam pengganti yang dipertanggungjawabkan untuk mengambil alih kes pendakwaan Duo Arms yang dikatakan telah menjual senjata kepada beberapa negara dengan adanya unsur-unsur rasuah. Duo Arms pula adalah sebuah syarikat pembekal jet pejuang dan peralatan ketenteraan lain yang berasal dari Perancis. Barisan Hakim Pejabat Pendakwaraya Paris telah menjalankan penyiasatan teliti terhadap pegawai tinggi di Perancis, Pakistan, India, Malaysia dan beberapa negara lain semenjak dua tahun lalu. Elemen pembabitian Malaysia telah disahkan dalam kertas siasatan yang dikeluarkan enam bulan lepas.

Sawyer & Ferguson pula adalah firma guaman antarabangsa yang mempunyai pejabat di Singapura yang menguruskan kes-kes di Asia Tenggara. Sawyer & Ferguson telah dilantik oleh Pejabat Pendakwaraya Paris sebagai perunding untuk mempercepatkan lagi proses penyiasatan untuk kes pendakwaan Duo Arms yang melibatkan negara-negara di Asia Tenggara.

Pada mulanya Natasha bukanlah peguam yang menguruskan kes Duo Arms. Akhbar, salah seorang peguam kanan Sawyer & Ferguson, adalah peguam yang menguruskan kes ini semenjak dua tahun lepas semasa kes ini baru sahaja dibuka. Dia telah berjaya mengumpul maklumat, bukti dan saksi yang diperlukan oleh Pejabat Pendakwaraya Paris untuk kes Duo Arms yang melibatkan penjualan senjata di Taiwan. Kerana kejayaannya itu, dia telah dipilih sebagai perunding untuk kes pendakwaan rasuah dalam penjualan senjata di Malaysia.

Natasha meminta bantuan salah seorang kerani di pejabat HURIMA untuk memanggil teksi untuk dia pergi ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Teksi yang dipanggil tiba sepuluh minit kemudian.

Semasa menaiki teksi, kata-kata Dato' Murad mengenai Akhbar masih lagi bermain-main di kepalanya. Sudah tiga tahun Natasha mengenali Akhbar, seorang peguam kanan yang benar-benar komited terhadap tugasnya dan mempunyai peluang yang sangat cerah di Sawyer & Ferguson. Natasha sendiri berasa pelik mengapa Akhbar boleh membuat keputusan untuk meninggalkan segala-gala yang diusahakannya secara tiba-tiba tanpa sebarang sebab yang munasabah dan

berpindah ke Dubai. Natasha juga bersetuju dengan Dato' Murad. Ada yang tidak kena!

Natasha tersentak semasa teksi yang dinaikinya tiba-tiba dibrek secara mengejut. Pemandu teksi menyumpah-nyumpah seorang lelaki bermotosikal yang tiba-tiba sahaja muncul di sebelah kiri kereta lalu memecahkan cermin sisi kirinya. Natasha berasa sedikit cemas. Dia memperhatikan nama pemandu teksi tersebut pada maklumat pengenalan pemandu yang dilekatkan pada *dashboard* teksi tersebut. Nama pemandu itu adalah Ghaous.

"Encik Ghaous, tolong jangan berhenti. Teruskan perjalanan. Saya akan bayar ganti rugi untuk cermin awak yang pecah itu nanti," Natasha memberi arahan. Ghaous meneruskan perjalanan sambil menyumpah-nyumpah lelaki bermotosikal itu tanpa henti. Natasha menarik nafas panjang. Hatinya masih terasa berdebar-debar. Dia masih ingat lagi hari terakhir Akhbar berada di pejabat Sawyer & Ferguson, Singapura; hari penyerahan tugas di mana Akhbar menyerahkan semua fail-fail yang berkaitan dengan kes pendakwaan Duo Arms yang melibatkan Kementerian Pertahanan Malaysia.

"Ini semua fail-fail yang awak perlukan untuk kes Duo Arms," Akhbar menyerahkan beberapa kumpulan fail yang diikat kepada Natasha.

"Dari mana saya patut bermula Encik Akhbar?" Natasha meminta nasihat.

"Awak patut bermula dengan Dato' Murad. Kes pendakwaan untuk Malaysia, India dan Pakistan kait-mengait antara satu sama lain," Akhbar menjawab.

"Itu sahaja saya boleh bantu awak, saya harap awak dapat menyelesaikan kes ini," Akhbar terus menghulurkan tangan kepada Natasha, mahu menamatkan pertemuan mereka secepat mungkin. Natasha berasa kurang selesa dengan tindakan Akhbar. Dia berharap Akhbar dapat meluangkan lebih banyak masa untuk berbincang mengenai kes ini. Kes pendakwaan ini adalah sebuah kes yang besar dan melibatkan beberapa negara. Natasha perlu lebih banyak maklumat dan panduan daripada Akhbar. Walaubagaimanapun, Natasha menyambut tangan Akhbar.

"Kenapa Encik Akhbar terburu-buru mahu melepaskan kes ini?" kata-kata yang bermain di fikiran Natasha terpacul keluar juga akhirnya. Akhbar tersenyum sinis. Dia menjinjing *briefcase* kepunyaannya, bersiap sedia untuk keluar.

"Awak baca semua fail ini dan awak jumpa Dato' Murad. Selepas itu awak buat keputusan untuk meneruskan kes ini atau tidak!" Akhbar tersenyum lagi sebelum mengucapkan selamat tinggal kepada Natasha. Hampir setiap hari kata-kata Akhbar ini bermain-main di fikiran Natasha. Walaupun dia belum habis lagi membaca semua kandungan fail-fail yang diserahkan oleh Akhbar, Natasha sudah mula merasakan kes ini tidak semudah yang pernah diuruskan oleh Akhbar di Taiwan.

Ketika pemandu teksi memberhentikannya di KLIA, Natasha membayar tambang dan gantirugi cermin yang pecah tadi. Selepas itu Natasha terus sahaja bergerak ke Balai Berlepas. Seperti cadangan Akhbar dahulu, dia mahu tiba secepat mungkin ke Singapura dan mengkaji semula kes Duo Arms dengan lebih terperinci. Perjumpaannya dengan Dato' Murad membuatkan hatinya berasa lebih berdebar-debar.

Natasha pergi ke papan jadual penerbangan untuk memeriksa jika ada kelewatan penerbangan yang sepatutnya diambil olehnya. Nampaknya pesawat untuk ke Singapura tertangguh sedikit, memberikan masa untuk Natasha makan tengahari di sebuah kedai makanan segera di situ.

* * *

Natasha akhirnya tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Changi, Singapura sejam lewat daripada sepatutnya. Pesawat yang dinaikinya tertangguh selama sejam di Kuala Lumpur. Natasha berehat seketika di ruang menunggu Balai Ketibaan sebelum pergi mencari teksi. Dia mahu berfikir dahulu samada dia patut pergi ke pejabat atau terus pulang ke rumahnya. Jam tangannya sudah menunjukkan hampir pukul empat petang. Natasha membuat panggilan telefon ke pejabatnya untuk bercakap dengan pembantunya, Doris.

"Doris, ada apa-apa pesanan untuk saya?" Tanya Natasha.

"Richard masih belum mendapat peguam kanan yang oleh menggantikan Encik Akhbar. Jean-Luc Brissaud, peguam kanan dari pejabat kita di Paris hanya boleh berpindah ke sini tiga bulan lagi. Saya rasa awak terpaksa bekerja berseorangan selama tiga bulan." Doris menjawab dengan lancar. Natasha melepaskan satu keluhan yang berat.

"Richard ada?" Tanya Natasha lagi. Richard merupakan salah seorang rakan kongsi firma guaman Sawyer & Ferguson

"*Sorry* Natasha. Dia akan masuk ke pejabat minggu hadapan," jawab Doris.

"Saya tidak akan masuk pejabat hari ini. Telefon saya kalau ada apa-apa yang penting nanti." Natasha memberi arahan.

Ketika Natasha memutuskan talian, seorang lelaki segak berumur empat puluhan sudahpun duduk di hadapannya. Dia memandang Natasha sambil tersenyum seolah-olah mengenalinya. Sesekali lelaki itu melihat ke sekeliling seolah-olah mencari seseorang.

"Cik Natasha, nama saya Salahuddin, orang bawahan Dato' Murad." Salahuddin mula berbicara, lantas duduk di sebelah Natasha.

"Saya minta maaf, tapi saya tidak ada banyak masa," Salahuddin seolah-olah berbisik kepada Natasha.

"Saya pernah menyerahkan beberapa salinan bukti kepada Encik Akhbar untuk kes rasuah Duo Arms di Malaysia. Saya hampir pasti dia telah musnahkan semua salinan bukti yang telah saya kumpul selama ini. Saya pasti dia telah mendapat bayaran yang amat lumayan untuk keluar dari kes ini," ujar Salahuddin. Natasha dan Salahuddin berpandangan seketika.

Salahuddin kemudiannya melihat-lihat ke sekeliling sekali lagi. Pandangannya terhenti apabila dia terlihat dua orang lelaki berjaket hitam yang berlari-lari anak sedikit seolah-olah mengejar seseorang.

"Ini kunci loker, semua bukti yang diperlukan ada di sini," lekas-lekas Salahuddin meletakkan sebuah kunci ke dalam genggamannya Natasha

"Loker di mana?" Natasha bertanya pantas sambil menggengam tangan Salahuddin.

"Di Kuala Lumpur, jangan percaya sesiapa di sini walaupun pihak polis. Kita akan jumpa lagi!" Salahuddin melepaskan gengaman tangannya.

Salahuddin sempat membisikkan pesanan penting itu ke telinga Natasha sebelum dia berjalan pantas ke bahagian selatan bangunan tersebut. Natasha dapat melihat kedua-dua lelaki berjaket hitam itu mula bergerak lebih pantas sebaik sahaja mereka dapat melihat kelibat Salahuddin. Seorang daripada mereka cuba mengejar Salahuddin dan seorang lagi memandang Natasha dan mula bergerak ke arahnya. Hati Natasha mula terasa berdebar-debar. Cepat-cepat Natasha meletakkan kunci itu ke dalam tas tangannya.

"Cik, saya pegawai polis khas. Lelaki itu tadi sudah lama kami cari. Dia ada cakap apa-apa pada Cik?" lelaki itu bertanya sebaik sahaja duduk di sebelah Natasha.

"Tidak ada, cuma kata-kata pemikat seorang lelaki yang mungkin kesunyian. Saya pun tak layan" jawab Natasha sambil tunduk memandang ke lantai.

"Cik pasti? Mungkin dia ada cakap apa-apa yang mencurigakan? Mungkin dia ada beri sesuatu pada Cik?" lelaki itu mencuba lagi. Natasha melemparkan pandangannya ke arah lain, sengaja mahu membuatkan lelaki itu berasa tidak selesa.

"Maaf, saya tak nampak lencana awak. Betulkah awak ini polis?" Natasha cuba mengubah tajuk perbualan. Lelaki itu kemudian menghulurkan lencananya kepada Natasha. Natasha memberikan senyuman sindiran.

"Awak sekarang berada di tanah Singapura. Pihak Polis Malaysia tidak ada kuasa di sini," jawab Natasha lantas bangun dan berlalu menuju ke kaunter teksi lapangan terbang. Kini dia semakin yakin dengan kata-kata Akhbar, dia perlu mempertimbangkan semula keputusannya untuk menguruskan kes Duo Arms.

Bab 2

Latihan bolasepak petang itu berjalan dengan lancar. Badrul, Roland, Simon, Rosman dan beberapa lagi pekerja Kamarudin & Co datang pada waktu yang dijanjikan. Mereka berkumpul untuk berbincang bagaimana untuk menumpaskan lawan mereka, pasukan bolasepak Singtel yang telah mengundang mereka untuk mengadakan perlawanan persahabatan dua minggu lagi.

“Wah! Bard, Sarah ada!” Rosman menegur Badrul sambil menjeling ke arah Sarah.

“Tell me something I dont know,” Badrul membalas teguran Rosman.

“Dia cantik menawan, kalau aku jadi engkau, dah lama aku kahwin dengan dia,” Rosman menyambung.

Rosman menjeling sekali lagi ke arah Sarah yang masih lagi duduk di sebuah kerusi kayu di bawah teduhan sebatang pokok yang rendah. Sarah mempunyai potongan badan yang langsing dan berketinggian hampir enam kaki. Rambutnya yang ikal nampak cantik walau dalam apa gaya sekalipun. Petang itu Sarah memakai seluar pendek, kemeja-t berjenama Polo dan kasut sukan Nike. Dia nampak anggun dan bergaya walaupun hanya memakai pakaian sukan.

“Kenapa engkau tak layan dia? Kasihan aku tengok dia, selalu sahaja mencuba tetapi engkau tak pernah layan,” Rosman bertanya dengan nada yang serius.

“*Not my type*,” Badrul menjawab ringkas.

“Apa lagi yang engkau mahukan Bard? Kita pilih perempuan kerana kecantikannya!” Rosman cuba memberi pendapat.

“Dia pernah jadi teman wanita aku lama dulu. Kami tak serasi,” Badrul menjawab sambil cuba menimbang bola.

“Aku tak faham, perempuan secantik itu engkau lepaskan begitu sahaja,” Rosman mengeleng-gelengkan kepalanya.

“Kalau engkau berminat, bolehlah cuba,” Badrul menjawab lagi. Kini dia menendang bola dengan kakinya.

“Bagaimana untuk mulakan? Apa yang dia suka?” Tanya Rosman dengan penuh minat sambil tersenyum. Rosman menjeling sekali lagi kepada Sarah.

“Dia suka *control*. Engkau ikut sahaja apa yang dia mahu pasti dia sukakan engkau,” Badrul menjawab acuh tak acuh.

“Cakap la betul-betul Badrul. Aku betul-betul berminat ni,” ujar Rosman dengan nada tidak puas hati.

“Aku sudah beri nasihat, engkau tak mahu ikut pula,” Badrul mengomel.

“Semua perempuan sama, Bard. Mereka memang suka *control*. Aku nak tahu selain daripada itu. Aku mahu tahu apa yang dia suka makan, apa hobi dia, apa cita-cita dia, dia suka lelaki yang bagaimana?”

“Hai Bard,” satu suara lembut menyapa.

“Hai Sarah,” Badrul menjawab sambil masih lagi cuba menimbang bola.

“Nampak macam dah habis latihan. Saya ada bawakan minuman untuk awak,” Sarah menyambung sambil menunjukkan dua botol air yang dipegangnya.

“Banyaknya peluh, Bard. Ini saya ada bawakan tuala untuk awak,” Sarah menyambung lagi sambil menghulurkan sebuah tuala kecil kepada Badrul.

“Tak mengapalah Sarah, saya ada minuman di sana. Saya pun ada bawa tuala dalam beg saya,” jawab Badrul sambil menunjukkan jarinya ke arah beg yang diletakkan di hujung padang.

“Rosman ni, dia tak bawa minuman. Saya rasa dia pun terlupa nak bawa tuala. Awak berikan sahaja pada dialah, Sarah,” Badrul menyambut bola yang ditimbanginya lantas memberikan senyuman kepada Rosman.

“Saya bawakan semua ini untuk awak, Bard. Ini bukan untuk Rosman,” Sarah menjawab dengan nada tidak puas hati.

“Saya dah sakit kaki ni Sarah. Rosman akan layan awak,” Badrul menjawab dan terus sahaja berlari ke hujung padang. Rosman terpinga-pinga kerana ditinggalkan bersama Sarah.

“Sarah, jangan ambil hati. Saya rasa dia memang sakit kaki tu, lama sangat berlatih hari ini. Dia betul-betul mahu menang perlawanan ini. Kapten Bard memang macam tu,” Rosman menyapa Sarah sambil cuba menunjukkan muka yang manis. Sarah bercekak pinggang sambil mencebikan muka.

“Kenapa dengan Bard ni Rosman? Saya tak faham. Adakah saya tak cukup cantik untuk dia?” Tanya Sarah dengan nada yang marah.

“Eh, Cik Sarah memang cantik. Tak ada cacat celanya pada pandangan mata saya,” Rosman cuba memujuk.

“Habis tu, kenapa Bard selalu sahaja menolak saya?” Sarah sudah mula menghentak kakinya.

“Susah macam ni Sarah, saya rasa lebih baik awak cari orang lain. Ramai lagi yang masih bujang di sini, contohnya saya,” Rosman cuba mencucuk jarum.

“Tapi saya cintakan Bard. Saya tak mahu orang lain Rosman. Badrul Hisham adalah cinta saya semenjak dahulu lagi,” Sarah semakin marah.

“Saya pun tak tahulah Sarah. Tak mengapa, hari ini saya temankan Sarah. Kita minum bersama. Air apa yang Sarah bawa tu?” Rosman cuba mengalihkan perhatian Sarah.

“Saya belikan air kegemaran Bard ni, Diet Coke,” Sarah menyerahkan kedua-dua botol Diet Coke kepada Rosman sambil matanya menyoroti Badrul yang sudah mula duduk di hujung padang bersama rakan-rakannya yang lain.

“Tak mengapalah. Kalau Bard tak mahu minum, kita sahajalah yang minum Sarah,” Rosman cuba memujuk lagi. Rosman mengambil kedua-dua botol Diet Coke itu dan membuka salah satu penutup botol.

“Nah, yang ini untuk Sarah. Sarah kena cari orang yang layan Sarah dengan baik macam saya ni,” Rosman mencuba lagi.

Sarah mengambil botol itu dan meneguk dengan penuh dendam. Ketika dia menyerahkan botol itu semula kepada Rosman, air di dalam botol itu sudahpun habis separuh. Matanya masih lagi menyoroti Badrul.

“Saya akan kembali dengan rancangan yang lebih bagus nanti. Engkau tunggu sahaja Bard, akhirnya aku pasti akan dapat,” Sarah mengomel seorang dia. Dia kemudian menyentap botol air yang dipegang oleh Rosman dan bergegas kembali ke tempat duduknya.

“Sarah!” Rosman menjerit memanggil nama Sarah.